



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

**(Bagi Minggu 39/2021 dari 26 September hingga 2 Oktober 2021)**


Pada minggu ke-39, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 28 kes (6.4%), menjadikan jumlah kes 463 berbanding 435 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-39. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 19,886 kes berbanding 77,096 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 57,210 kes (74.2%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 13 kematian berbanding 125 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 112 kematian (89.6%) (**Lampiran A & C**). Sebanyak tujuh (7) lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-39 berbanding enam (6) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan lima (5) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan dua (2) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya. (**Lampiran B & D**).

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 26 kes pada minggu ke-39 yang mana 16 kes dari WPKL & Putrajaya, lapan (8) kes dari Selangor dan masing-masing satu (1) kes dari Kedah serta Pulau Pinang. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,070 (**Lampiran E**). Bagi surveyan Zika, sebanyak 1,212 sampel darah dan 27 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Masyarakat sebagai komponen kepada Keluarga Malaysia perlu berganding bahu dalam mengawal penyebaran penyakit-penyakit lain semasa pandemik COVID-19. Penjagaan kebersihan persekitaran amat penting bagi mencegah penyakit bawaan vektor terutamanya demam denggi. Amalkan tabiat menjaga kebersihan persekitaran serta pupuk budaya tersebut bermula dari usia muda. Lakukan aktiviti cari dan musnah sekurang-kurangnya 10 minit seminggu bagi memastikan tiada bekas yang berpotensi menjadi tempat pembiakan Aedes. Ini kerana nyamuk hanya memerlukan air dalam jumlah yang minima untuk bertelur dan membiak. Sekiranya terdapat gejala demam denggi seperti demam tinggi, sakit sendi/ otot, sakit pada belakang mata dan sakit kepala, dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan terdekat dan jangan bertangguh. Ambil peduli, elakkan menjadi mangsa demam denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**

  
**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
8 Oktober 2021

## Lampiran A




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 38 dan ke- 39 tahun 2021




Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 39 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020

## Lampiran B



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-39 tahun 2021**

**Lampiran C**

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 39/2021**

**(26 September hingga 2 Oktober 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 39/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 39/2020	
		Minggu 39 (26 September – 2 Oktober 2021)		Minggu 38 (19 September – 25 September 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	1	0	1	0	19	0	67	0
2	Kedah	9	0	7	0	400	0	694	0
3	P. Pinang	5	0	8	0	313	0	819	2
4	Perak	9	0	5	0	462	1	2,439	3
5	Selangor	284	0	278	0	11,836	2	38,865	36
6	WP KL & Putrajaya	74	0	70	0	2,381	1	8,928	7
7	N. Sembilan	16	0	11	0	457	1	2,473	8
8	Melaka	3	0	5	0	493	0	2,119	6
9	Johor	20	0	14	1	1,450	2	9,247	33
10	Pahang	5	0	3	0	358	1	2,552	7
11	Terengganu	1	0	0	0	34	0	335	0
12	Kelantan	5	0	2	0	164	0	3,663	6
13	Sarawak	6	0	6	0	300	0	1,365	2
14	Sabah	25	0	25	1	1,215	5	3,524	15
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	6	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>463</b>	<b>0</b>	<b>435</b>	<b>2</b>	<b>19,886</b>	<b>13</b>	<b>77,096</b>	<b>125</b>

**Lampiran D**

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 39/2021  
(26 September hingga 2 Oktober 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1/4 Taman Prima Saujana	9	57
2	SELANGOR	Petaling	E10. Bg Sek 14 (Teres 1) [Jln 1-28]	11	48
3	WPKL	Titiwangsa	Desa Tun Hussein Onn (Blok E1-E5)	18	45
4	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Impian	25	41
5	SELANGOR	Hulu Langat	Kg Paya Batu 14 Jalan Cheras Kajang	5	38
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Koperasi Uda	11	35
7	WPKL	Cheras	Kg.Cheras Baru C (Jln 1-6,22-28,30,22a,26,28a,28b,29a)	4	33

**Lampiran E**

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 39/2021 (2 Oktober 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
		Johor Bahru	17	
		Kluang	1	
2.		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Johor	Baling	5	96
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	23	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
4.		Bachok	1	124
		Gua Musang	1	
5.	Kedah	Jeli	1	
		Kota Bharu	9	
		Kuala Krai	3	
6.	Kelantan	Pasir Mas	1	28
		Pasir Puteh	1	
7.	Melaka	Tanah Merah	1	27
		Tumpat	10	
		Alor Gajah	4	
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
8.		Seremban	6	
9.	Negeri Sembilan	Batang Padang	1	6
		Kampar	1	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
10.	Pulau Pinang	Barat Daya	32	50
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	

		Timur Laut	9	
		Gombak	78	
		Hulu Langat	60	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	5	
		Sepang	6	
9.	Selangor	Cheras	48	202
		Kepong	111	
10.	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	39	357
		Titiwangsa	159	
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>			<b>1,070</b>	